

2/11/19 MS 18

Cameron Highlands terdedah risiko tanah runtuh

Ipoh: Kegiatan pertanian secara haram dan pembalakan tidak terkawal yang berterusan menyebabkan kawasan perancangan tanah tinggi Cameron Highlands semakin terdedah kepada pelbagai risiko seperti runtuh tanah dan banjir lumpur.

Setiausaha Kelab Pemuda India (IYC) Cameron Highlands, K Thevin, berkata kegiatan itu adalah isu utama yang diperkatakan sekarang dan pihak berkuasa perlu menghentikannya segera.

"Saya berharap pihak berkuasa mengambil tindakan drastik terhadap individu yang terlibat dalam kegiatan pertanian dan pembalakan tidak terkawal di kawasan tanah tinggi ini.

"Aktiviti ini secara tidak langsung menyebabkan beberapa sungai tercemar hingga mengundang bencana seperti banjir lumpur dan tanah runtuh.

"Penggunaan racun perosak yang diharapkan bagi pertanian juga dikesan dalam air paip dan sungai yang bakal memberi kesan kepada

masalah kesihatan seperti kanser dan gangguan kelahiran pada generasi akan datang," katanya ketika dihubungi, semalam.

Alam sekitar

Thevin berkata, pihak berkuasa perlu mengadakan program kesedaran mengenai alam sekitar bagi mendidik masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

"Membiarkan perkara ini berlaku (kesesakan) tanpa sebarang tindakan bukan saja menimbulkan rasa tidak puas hati kepada orang ramai, tetapi juga merosakkan imej Cameron Highlands sebagai salah satu tarikan pelancong yang popular di negara ini," katanya.

Beliau berkata, menjelang Pilihan Raya Kecil (PRK) pada 26 Januari ini, pihaknya berharap mana-mana pihak yang dipilih pengundi di Cameron Highlands, memberi fokus terhadap isu yang sudah berlarutan lama ini dan mencari jalan penyelesaian terbaik.



Runtuhan tanah di Cameron Highlands dipercayai akibat pertanian dan pembalakan haram.